

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA BAGI
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS, TAHUN 2016**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HARUN

SOALAN : 87

Puan Hajah Azizah binti Harun minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah ada usaha untuk mengekang penyakit ketagihan internet di kalangan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) giat menjalankan program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya penggunaan media baru secara bijaksana. Langkah ini dilihat dapat membantu dalam pembangunan rohaniah, pembangunan individu, serta pembangunan negara yang lebih positif.

Namun demikian, masyarakat khususnya ibu bapa perlu turut memainkan peranan dalam usaha mengekang penyakit ketagihan internet daripada berleluasa dan menjejaskan kehidupan harian.

SOALAN NO: 87

Bagi mengelakkan masalah ketagihan Internet daripada berlaku, strategi dan langkah berikut boleh diberi perhatian:

1. Tetapkan objektif dan matlamat sebelum melayari laman web atau menggunakan komputer dengan mengenal pasti tujuan penggunaan mereka.
2. Tetapkan melayari laman web yang tertentu dan yang perlu sahaja, atau sekadar memenuhi keperluan yang dikehendaki agar tidak melebihi had bagi mengelakkan melayari laman yang tidak perlu.
3. Hadkan atau tetapkan jangka masa yang diperlukan ketika menggunakan komputer dan melayari laman sesawang bagi mengelakkan pembaziran masa.
4. Bahagikan masa yang sewajarnya antara kehidupan di dunia siber dan kehidupan di alam nyata supaya wujud keseimbangan.

Jadikan ruang siber dan Internet sebagai sumber pengetahuan untuk meningkatkan peranan menjadi seorang manusia yang sempurna dan untuk menambah kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan.